

12 APR 1997

Mahathir-akaun

AKAUN WANITA UMNO DISIASAT

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Siasatan akan dibuat terhadap akaun kewangan Pergerakan Wanita Umno, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Majlis Tertinggi Umno bersetuju supaya diadakan penyiasatan itu ekoran laporan yang dibuat terhadap akaun berkenaan, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ketika ditanya mengenai akaun yang dimaksudkan, Perdana Menteri berkata: "Akaun yang lalu".

Bendahari parti Tun Daim Zainuddin akan mengetuai siasatan itu.

Mengenai tindakan terhadap beberapa cawangan yang didapati melanggar etika parti dalam pemilihan yang sedang berjalan, Dr Mahathir berkata Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan sedang mengkaji segala aduan untuk tindakan.

Selain peletakan jawatan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, mesyuarat selama tiga jam itu turut membincangkan persiapan menyambut ulangtahun ke-51 Umno pada 11 Mei ini.

Pelbagai acara diadakan termasuk amanat presiden, forum perjuangan parti anjuran Pergerakan Pemuda dan Wanita selain acara tradisi membaca doa, menaikkan bendera dan menyanyikan lagu parti.

Mengenai permohonan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46, Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi bersetuju untuk menerima mereka yang tidak mempunyai masalah. -- BERNAMA

TM MAI